

Skim perkhidmatan 15,000 anggota Pasukan Bomba Sukarela diperkasa Dapat elaun bertugas RM6 sejam

KANGAR – Anggota Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang terlibat dalam operasi akan dibayar elaun RM6 sejam bermula selewat-selewatnya pada pertengahan tahun ini, kata Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim.

Beliau berkata, keputusan pelaksanaan bayaran elaun itu hanya perlu kelulusan Parlimen apabila cadangan pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibentang dalam masa terdekat.

“Bayaran ini bagi menghargai peranan dan sumbangan anggota-anggota PBS membantu tugas-tugas JBPM dalam opera-

si menyelamatkan dan memadamkan kebakaran,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penganugerahan pingat kebesaran jabatan itu dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2017 JBPM Perlis di sini semalam.

Seramai 24 pegawai dan anggota menerima Pingat Setia Bomba (PSB), Pingat Cemerlang Bomba (PCB) serta APC.

Wan Mohd. Nor berkata, pada masa ini, terdapat 370 PBS dianggotai lebih 15,000 orang di seluruh negara dan mereka hanya diberi perlindungan insurans sebanyak RM1 juta dan peralatan kebom-baan RM3 juta setahun.

Katanya, JBPM juga berhasrat meletakkan PBS di bawah

kendalian jabatan secara terus berikutan pasukan ini berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) sejajar dengan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 yang akan dipinda bagi memberi kawalan terus ke atas PBS.

Semalam, Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye meminta kerajaan supaya menimbang untuk menyediakan elaun khas buat anggota PBS dalam cadangan meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Lam Thye berkata, cadangan pindaan itu perlu disokong semua pihak kerana ia membolehkan PBS didaftarkan terus menerusi JBPM sekali gus memudahkan pengurusan dan penyaluran bantuan dan elaun.



WAN MOHD. NOR



WAN Mohd. Nor (tiga dari kanan) beramah mesra bersama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017 Peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perlis di Kangar semalam.